



SIARAN MEDIA PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

PTPK UMUM SENARAI AKHIR PEMENANG CABUTAN BERTUAH MEGA 2024 DAN LANCARKAN PROMOSI CABUTAN BERTUAH TAHUN BARU CINA 2025

KUALA LUMPUR, 20 Januari 2025 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia sentiasa komited melaksanakan tanggungjawab untuk menguruskan peruntukan secara cekap bagi menjamin tiada pelajar yang akan tercicir atau terlepas peluang melanjutkan pengajian dalam program TVET. Justeru, untuk memastikan kelestarian Dana Latihan TVET, PTPK beriltizam mengutip bayaran balik pinjaman latihan kemahiran. Iltizam tersebut diperlihatkan menerusi peningkatan **49% kutipan bayaran balik pinjaman** tahun 2024 berbanding tahun 2023.

Jumlah kutipan bayaran balik pinjaman yang berjaya dikutip sehingga 31 Disember 2024 mengikut tahun kelulusan adalah sebanyak **RM234.81 juta atau 78%** daripada jumlah yang patut kutip bagi tahun 2024 iaitu sebanyak RM300 juta. Secara perbandingan, sehingga 31 Disember 2023, bayaran balik pinjaman yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM157.29 juta atau 53% daripada jumlah yang patut kutip bagi tahun 2023 iaitu sebanyak RM295.24 juta.

Peningkatan peratus kutipan didorong oleh program promosi bayaran balik yang dilaksanakan oleh PTPK untuk menghargai peminjam yang telah membuat bayaran balik secara konsisten selain meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan PTPK dalam menyokong pembangunan kemahiran di Malaysia.

Kempen promosi Cabutan Bertuah Mega Tahun 2024 yang telah berlangsung mulai 1 Ogos 2024 hingga 31 Disember 2024 telah menyaksikan kutipan sepanjang tempoh kempen sebanyak RM60.43 juta yang melibatkan 34,610 akaun peminjam. Seramai 16 orang pemenang bertuah telah disenarai pendek untuk menerima hadiah-hadiah menarik yang telah disediakan. Pemenang hadiah utama Cabutan Bertuah Mega Tahun 2024 akan diumumkan secara rasmi semasa Majlis Hari Bertemu Pelanggan Tahun Baru Cina yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Dalam usaha meningkatkan momentum kutipan bayaran balik, PTPK telah melancarkan Promosi Cabutan Bertuah Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2025. Promosi ini akan memberi peluang kepada peminjam untuk memenangi hadiah menarik berupa baucar barangan elektrik dan elektronik. Tempoh promosi berlangsung dari 10 Januari hingga 31 Januari 2025. Untuk maklumat lanjut mengenai promosi ini dan cara penyertaan, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi PTPK di www.ptpk.gov.my

-TAMAT-

Disediakan oleh: Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
20-01-2025

www.ptpk.gov.my | Tel: 03-4051 6000 | Faks: 03-4047 6142 | e-mel: skillsfund@ptpk.gov.my